

Pengguna serik vape meletup depan muka

BH
11/11/2015
m/s 12

» Peniaga terpaksa terima enam jahitan

Oleh Asrizal Aris
bhnews@bh.com.my

► Gopeng

Seorang pengguna vape terpaksa menerima enam jahitan di bibir selepas peralatan berkenaan meletup ketika hendak disedut dalam kejadian di sini, pada Khamis lalu.

Berikutan kejadian itu, membuatkan peniaga, Salleh Awang Hat, 33, serik untuk terus menggunakan vape.

“Saya dan saudara terdekat sudah tidak lagi menghisap vape selepas kejadian vape meletup hingga terpaksa menerima enam jahitan,” kata Salleh atau lebih dikenali sebagai Lan ketika ditemui di sini, semalam.

Insiden letupan vape membabitkan Lan itu viral di laman sosial malah mengundang pelbagai kritikan.

Sehubungan itu, Lan meminta supaya orang ramai tidak membuat andaian sendiri mengenai kejadian yang menimpanya dan menasihatkan pengguna vape supaya lebih



Komponen vape meletup dan mencederakan muka Lan (gambar kecil).

[FOTO ASRIZAL ARIS/BH]

berhati-hati meneliti komponen vape sebelum menggunakannya.

Lan berkata, pada kejadian kira-kira jam 9 malam Khamis lalu, dia menghidupkan vape untuk disedut, tetapi ia meletup sebelum sampai ke bibir.

“Vape itu meletup dan hujung vape (bahagian penyedut) itu tercabut ibarat peluru ditembak tetapi mujur tidak kena pada muka. Hanya belerang yang meletup dan terbakar di muka dan bibir saya.

Syukur tidak buta

“Nasib saya baik kerana belum sempat menyedutnya kalau

tak ibarat meletak pistol ke dalam mulut. Saya juga bersyukur kerana tidak buta,” katanya.

Katanya, kejadian itu berlaku selepas sehari menimang cahaya mata pertama dan bersyukur kerana vape itu meletup sebelum dia menyedutnya.

Lan berkata, dia langsung tidak membuat sebarang ubahsuai pada vape dan alat itu bukan dibeli dengan harga murah yang menyebabkannya meletup.

“Saya sudah lama memakai vape itu memang tiada masalah sebelum ini. Saya sendiri tidak tahu apa punca sebarang

ia meletup tapi saya difahamkan ia mungkin berpunca bateri kerana vape itu jenis mekanikal yang di selenggara secara manual.

“Saya harap komen di laman sosial tidak membuat andaian sendiri dan mengaibkan saya kerana ia memaparkan gambar saya yang turut dikenali oleh saudara dan rakan. Saya harap orang ramai faham dengan situasi saya,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kampar, Superintendan Ng Kong Soon mengesahkan pihaknya tidak menerima sebarang laporan membabitkan kejadian itu.